



Jabatan  
**KEBAJIKAN**  
Masyarakat



**6 OGOS 2015**

**KENYATAAN MEDIA**  
**MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**

**PENGESAHAN PENEMUAN SERPIHAN PESAWAT MH370**

Saya dan seluruh warga Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) ingin melahirkan rasa simpati kepada ahli keluarga serta waris (*Next of Kins-NOK*) penumpang dan anak kapal MH370 atas pengesahan penemuan serpihan pesawat tersebut yang diumumkan oleh YAB Perdana Menteri hari ini. Saya dan seluruh warga Kementerian sentiasa bersama memberi sokongan memandangkan insiden ini meninggalkan kesan mendalam kepada NOK penumpang dan anak kapal malah kepada negara.

Bagi membantu memberikan sokongan kepada NOK, pihak Kementerian telah membuka bilik gerakan yang beroperasi selama 24 jam bermula hari ini melibatkan Pegawai-pegawai Psikologi (kaunselor). NOK boleh menghubungi Talian KASIH 15999 yang menempatkan 20 orang petugas Pegawai Psikologi bagi mendapatkan perkhidmatan kaunseling dan sokongan psikologi. Pegawai Psikologi dapat membantu memberikan sokongan emosi, psikologi dan moral untuk mengurangkan tekanan dan penerimaan ahli keluarga dalam menghadapi berita sedih berkaitan insiden ini.

Kementerian juga sedia menggerakkan Pegawai Psikologi JKM di peringkat negeri untuk membantu menyampaikan perkhidmatan kaunseling dan psikologi kepada di rumah.

Sejak insiden berlaku, pihak kementerian telah mengendalikan 56 sesi intervensi melibatkan 13 buah keluarga. Sesi intervensi yang dijalankan merupakan intervensi krisis, sesi kaunseling, bimbingan dan kelompok keluarga.

Saya dan seluruh warga Kementerian mendoakan agar dengan komitmen kami ini dapat memberikan sedikit sinar harapan buat semua NOK untuk meneruskan kehidupan.

Sekali lagi ingatan dan doa dari saya serta warga Kementerian terhadap NOK penumpang dan anak kapal pesawat MH370 yang terlibat dalam insiden tersebut.

**YB. DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM**